



**MESYUARAT JAWATANKUASA AKADEMIK PENGAJIAN SISWAZAH UNIVERSITI (JAPSU)
BIL 3/2017/2018**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2017 (SELASA)
MASA : 8:30 PAGI
TEMPAT : i) BILIK MESYUARAT 3, ARAS 3 SPS, UTM JB
 ii) BILIK MESYUARAT SPSKL, TINGKAT 8, MENARA RAZAK, UTM KL

BIL	KEHADIRAN UTM JB	FAKULTI/JABATAN	S/K
1.	Prof. Dr. Zaidatun bt Tasir	Sekolah Pengajian Siswazah	3/3
2.	Prof. Ir. Dr. Mohd Wazir bin Mustafa	Fakulti Kejuruteraan Elektrik	2/3
3.	Prof. Madya Dr. Muhammad Nadzir bin Marsono	Fakulti Kejuruteraan Elektrik	3/3
4.	Prof. Dr. Izman bin Sudin	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	2/3
5.	Prof. Madya Ir. Dr. Zaini bin Ahmad	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	3/3
6.	Prof. Dr. Mohd Nor bin Mohamad	Fakulti Sains	3/3
7.	Dr. Hasnah bt Mohamed	Fakulti Pendidikan	3/3
8.	Dr. Mohamad Hidayat Bin Jamal	Fakulti Kejuruteraan Awam	2/3
9.	Prof. Madya Dr. Aznizam bin Abu Bakar	Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga	1/3
10.	Dr. Radziah bt Mohamad	Fakulti Komputeran	3/3
11.	Dr. Zuhaili bin Mohamad Ramly	Fakulti Alam Bina	3/3
12.	Prof. Madya Dr. Baharin bin Ahmad	Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah	2/3
13.	Prof. Madya Dr. Anuar bin Ahmad	Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah	1/3
14.	Dr. Mohd Nasir bin Ripin	Fakulti Tamadun Islam	2/3
15.	Dr. Suresh A/L Ramakrishnan	Fakulti Pengurusan	1/3
16.	Prof. Madya Dr. Noor Hazarina bt Hashim	Sekolah Pengajian Siswazah	3/3
17.	Prof. Madya Dr. Nazri bin Ali	Sekolah Pengajian Siswazah	3/3
18.	Prof. Madya Dr. Aminah bt Md Yusof	Sekolah Pengajian Siswazah	2/3
19.	Pn. Nur Hakimi bt Karsono	Sekolah Pengajian Siswazah	3/3

BIL	KEHADIRAN UTM KL	FAKULTI/JABATAN	S/K
1.	Prof. Madya Dr. Siti Zaleha bt Abd. Rasid	Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim	3/3
2.	Prof. Madya Dr. Mohd Shahidan bin Abdullah	UTM AIS	2/3
3.	Dr. Ooi Chia Yee	UTM MJIIT	3/3
4.	Dr. Sa'ardin bin Abdul Aziz	UTM Razak School	2/3
5.	Prof. Madya Dr. Astuty bt Amrin	SPS	2/3

BIL	TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)	FAKULTI/JABATAN	S/K
1.	Prof. Dr. Ahmad Baharuddin bin Abd. Rahman	Fakulti Kejuruteraan Awam	0/3
2.	Prof. Madya Dr. Azli bin Yahya	Fakulti Biosains dan Kejuruteraan Perubatan	0/3
3.	Prof. Madya Dr. Kahar bin Osman	Fakulti Biosains dan Kejuruteraan Perubatan	1/3
4.	Dr. Aminudin bin Hehsan	Fakulti Tamadun Islam	1/3
5.	Prof. Madya Dr. Faizah bt Mohamad Nor	Akademi Bahasa	2/3
6.	Prof. Madya Dr. Dayang Norhayati bte Abang Jawawi	Fakulti Komputeran	0/3
7.	Prof. Madya Dr. Siti Aisyah bt Panatik	Fakulti Pengurusan	1/3
8.	Prof. Madya Dr. Razali Bin Abdul Hamid	Fakulti Alam Bina	0/3
9.	Prof. Madya Dr. Sharidan bin Shafie	Fakulti Sains	2/3
10.	Prof. Madya Dr. Azlina bt. Mohd Kosnin	Fakulti Pendidikan	1/3
11.	Prof. Zamri bin Mohamed	Perdana School	0/3
12.	Dr. Nomahaza bt Mahadi	Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim UTM Razak	1/3
13.	Prof. Madya Dr. Khairur Rijal bin Jamaludin	UTM Razak	1/3
14.	Prof. Madya Dr. Zainal Abidin Bin Zainuddin	SRAD	1/3

BIL	TURUT HADIR	FAKULTI/JABATAN
1.	Dr. Noraliani bt Alias	Fakulti Kejuruteraan Awam
2.	Prof. Madya Dr. Roselina bt Salleh @Salehuddin	Fakulti Komputeran
3.	Dr. Adlina bt Abdul Samad	Akademi Bahasa
4.	Dr. Aizreena bt Azman	Fakulti Biosains dan Kejuruteraan Perubatan
5.	Prof. Madya Dr. Muhammad bin A. Manan	Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga
6.	En. Nasir bin Osman	Razak School
7.	Cik Khairani bt Ibrahim	UTM ARO
8.	Cik Norazlina bt Azizi	Urusetia
9.	Pn. Akmalinnisa bt Md Hidir	Urusetia
10.	Pn. Nor Hidayati bt Mokhtar	Urusetia
11.	Pn. Noraliza bt Tasiran	Urusetia

1.0 ALUAN Pengerusi

1.1 Agihan Peruntukan Tabung VIVA Ke Fakulti

Pengerusi memaklumkan bahawa sejumlah sebanyak RM500 ribu dari tabung amanah SPS akan diagihkan kepada semua fakulti bagi urusan peperiksaan lisan Doktor Falsafah. Peruntukan seterusnya adalah berdasarkan jumlah pelajar baharu (enrolmen) yang membayar yuran peperiksaan lisan.

SPS juga mencadangkan agar fakulti mendapatkan kad korporat untuk pembelian tiket VIVA bagi penjaminan. Perkara ini akan dicadangkan ke pihak Bendahari.

Tindakan : Fakulti/ PK SPS

1.2 Dokumen Pembukaan Tabung

Pengerusi meminta fakulti yang belum menghantar status pembukaan tabung di Pejabat Bendahari dapat menyelesaikan dengan segera. SPS akan menyelesaikan urusan pindahan peruntukan viva ke fakulti setelah semua fakulti selesai menghantar dokumen pembukaan tabung ke Pegawai Kewangan SPS.

Tindakan : Fakulti

1.3 Pengisian Laporan Kemajuan Pelajar

Pengerusi memaklumkan bahawa pengisian Laporan Kemajuan Pelajar penyelidikan dan Pelajar Mod Campuran telah dibuka dari 12 November hingga 8 Disember 2017. Penilaian penyelia adalah dari 10 hingga 21 Disember 2017. Tarikh akhir bagi penghantaran serahan tesis bagi Semester I Sesi 2017/2018 adalah pada 30 Januari 2018.

Makluman

1.4 The Colloquium Peringkat SPS

SPS akan mengadakan *colloquium* di peringkat SPS pada 12 Disember 2017. Semua TD/PGAM fakulti diminta untuk menghebahkan kepada pelajar untuk menyertainya. Pertanyaan lanjut boleh menghubungi Dr. Nazri bin Ali, Pengurus Akademik SPS.

Makluman

1.5 Perlaksanaan Peperiksaan Lisan (viva) pertama Doktor Falsafah di fakulti

Pengerusi mengucapkan tahniah kepada Fakulti Pengurusan (FM), Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga (FKT) dan Fakulti Sains (FS) kerana telah melaksanakan viva pertama bagi doktor falsafah. Pengerusi memohon supaya fakulti dapat meneruskan dengan mengikuti proses kerja yang telah diberikan.

Makluman

1.6 Borang Penilaian Peringkat Pertama

Pengerusi memaklumkan bahawa Borang baharu bagi Penilaian Peringkat Pertama akan digunakan sepenuhnya bermula pada 3 Disember 2017. Borang ini akan digunapakai bagi semua pelajar PhD dan Sarjana penyelidikan. Urusetia juga diminta untuk mengedarkan borang ini kepada semua ahli mesyuarat.

Tindakan : Urusetia

1.7 Graduan Penyelidikan

Perangkaan graduan PhD adalah seramai 767 dan sasaran mencapai 720 iaitu mencapai sebanyak 93.9%. Bagi sasaran Sarjana tahun 2017 adalah seramai 515 dan hanya 358 sasaran yang tercapai setakat ini.

Makluman

1.8 Senarai Penerima Zamalah

Pengerusi memaklumkan bahawa senarai nama penerima zamalah telah dimasukkan di dalam laman web. Mohon fakulti menyemak senarai nama berkenaan dan menghebahkan kepada pelajar mengenai perkara ini.

Tindakan : Fakulti

2.0 MELULUSKAN MINIT MESYUARAT BIL 2 2017/2018

Minit Mesyuarat JAPSU bil 2 2017/2018 diluluskan dengan sebulat suara.

Makluman

3.0 PERKARA BERBANGKIT

3.1 UTM TrAS

Pengerusi meminta urusetia menyemak dengan AMD kembali url transkrip online yang diberikan.

Tindakan : Urusetia

3.2 Data Program Jumud Dan Lupus

Pn. Nurhakimi bt Karsono, Pemangku TP SPS akan mengedarkan email senarai program jumud dan lupus kepada semua ahli JAPSU.

Tindakan : Pemangku TP

3.3 Pelajar Aktif Tidak Daftar Kursus

Prof. Madya Ir. Dr. Zaini bin Ahmad meminta pandangan JAPSU berkaitan pelajar aktif tidak daftar kursus seperti yang telah diluluskan di dalam JKA Fakulti. Pelajar telah menangguhkan pengajian sebanyak dua (2) kali dan masih ingin menangguh pengajian. JAPSU memutuskan agar FKM perlu membawa perkara ini ke dalam mesyuarat JKTS Peperiksaan dan Pengijazahan.

Tindakan : FKM

4.0 PERAKUAN PERLANTIKAN PEMERIKSA TESIS PELAJAR DOKTOR FALSAFAH

4.1 KEJURUTERAAN

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bidang Kejuruteraan.

Makluman

4.2 SAINS DAN TEKNOLOGI

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bidang Sains Dan Teknologi.

Makluman

4.3 SAINS SOSIAL

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bidang Sains Sosial.

Makluman

5.0 PERAKUAN PERLANTIKAN PEMERIKSA TESIS PELAJAR SARJANA

5.1 KEJURUTERAAN

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana bidang Kejuruteraan.

Makluman

5.2 SAINS DAN TEKNOLOGI

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana bidang Sains Dan Teknologi.

Makluman

5.3 SAINS SOSIAL

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana bidang Sains Sosial.

Makluman

6.0 PERMOHONAN PELANJUTAN NOTIS HANTAR TESIS

Mesyuarat meluluskan permohonan Lanjut Hantar Notis seperti berikut:

- 6.1 FOSI MOHAMOUD KOFAL (PY123017)**
- 6.2 LIEW YEONG CHERNG (MKE143031)**
- 6.3 TEO KAH MING (MKE143041)**
- 6.4 SITI FADILAH BINTI ABD LATIP (PE103117)**
- 6.5 YAHYA AHMED MOHAMMED ALAMARI (PE103218)**

Makluman

7.0 PERMOHONAN PELANJUTAN NOTIS HANTAR TESIS DAN PELANTIKAN PANEL BAHARU

Mesyuarat meluluskan permohonan Lanjut Hantar Notis dan Pelantikan Panel Baharu seperti berikut:

- 7.1 KYAIRUL AZMI BIN BAHARIN (PE113106)**
- 7.2 LEE HOONG PIN (PA113011)**
- 7.3 ZUL HISHAM BIN NADZRI (PP103092)**

Makluman

8.0 PERMOHONAN PELANTIKAN PANEL PEMERIKSA BAHARU

Mesyuarat meluluskan permohonan Pelantikan Panel Pemeriksa Baharu seperti berikut:

- 8.1 ROZANTI A HAMID (PH133057)**

Makluman

9.0 PERMOHONAN PELANJUTAN TEMPOH PEMBETULAN

- 9.1 AZRA AYUE BINTI ABDUL RAHMAN (PC083125)**

Diluluskan **5 bulan** dari tarikh hantar tesis sehingga 21 April 2018.

- 9.2 FADLI BIN ARABI (PB093127)**

Diluluskan **3 bulan** dari tarikh Mesyuarat JAPSU sehingga 15 Februari 2018.

- 9.3 MOHD AMIRUL AMIN BIN ARIZAL (MM123026)**

Diluluskan **1 bulan** dari tarikh Mesyuarat JAPSU sehingga 15 Disember 2017.

- 9.4 MAHDIEH NADISENEJANI**

Diluluskan **3 bulan** dari tarikh hantar tesis sehingga 27 Februari 2018.

- 9.5 HASLIZA HASSAN**

Diluluskan **1 bulan** dari tarikh Mesyuarat JAPSU sehingga 15 Disember 2017.

Makluman

10.0 PERMOHONAN PENGECEUALIAN YURAN STAFF

- 10.1 DOKTOR FALSAFAH DAN SARJANA FALSAFAH**

Mesyuarat meluluskan permohonan pengecualian yuran staf seperti berikut:

- 10.1.1 ROZITA BINTI ABDUL JALIL PP133020**

- 10.1.2 ISNIZA BINTI ISMAIL PW133015**
- 10.1.3 SITI RUZITA BINTI MAHMOD PW133016**
- 10.1.4 MUHAMMAD ASRAF BIN MANSOR PE133057**
- 10.1.5 NOR FADILAH BINTI MOHAMAD NASIR MSC143008**
- 10.1.6 ROHAIZA BINTI MUDA MKK143018**
- 10.1.7 SITI NORASIKIN BINTI SHARIP MKM153008**
- 10.1.8 SYED MOHD ANWAR ALHABSHI BIN SYED HAMED MCS141006**
- 10.1.9 RAZIMAN BIN ZAKARIA MCS141007**

Makluman

- 10.2** Pengerusi juga mengambil maklum tentang permohonan pengecualian yuran daripada staf lantikan SPACE UTM. Pengerusi memohon supaya surat lantikan disemak untuk memastikan beliau layak / tidak untuk dipertimbangkan.

Tindakan : Urusetia

11.0 HAL-HAL LAIN

11.1 Perkongsian Permintaan Dan Penawaran Guna Tenaga Negara 2017

Prof. Madya Dr. Aminah bt Md Yusof telah mewakili YBrS. Dekan SPS ke Perkongsian Permintaan dan Penawaran Guna Tenaga Negara 2017 di Kementerian Pengajian Tinggi pada 23 Oktober 2017 bertempat di Universiti Putra Malaysia. Secara rumusan ianya adalah berkaitan perancangan tenaga manusia berkonsepkan usaha untuk mengimbangi keperluan pekerjaan dengan bekalan. Strategi untuk memadankan bekalan pekerja kepada ketersediaan pekerjaan. Perancangan tenaga kerja melibatkan mengkaji semula sumber tenaga manusia semasa, meramalkan keperluan masa depan dan ketersediaan, dan mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa bekalan orang dan kemahiran memenuhi permintaan.

Slide penuh dari KPT boleh di dapati di dalam sistem mesyuarat JAPSU.

Makluman

11.2 Pelantikan Co-Supervisor

Pengerusi memaklumkan bahawa mana-mana penyelia yang telah tamat kontrak atau pencen perlu diganti dengan penyelia lain. Penyelia Bersama sedia ada boleh dilantik sebagai Penyelia Utama, bagaimanapun ia tertakluk kepada syarat penyelia telah menghadiri kursus AS 103 dan memiliki PhD lebih dari 2 tahun. Jika Penyelia tersebut telah bergraduan lebih 2 tahun tetapi tidak memenuhi syarat lain, maka perlu melantik Penyelia Bersama yang layak/berpengalaman.

Makluman

11.3 Program Baharu Dalam MQR

Mesyuarat dimaklumkan berkenaan program baharu yang masih belum tersenarai di MQA dan SPS di mohon untuk menyemak dengan QRIM berkenaan isu tersebut. SPS memaklumkan ada diantara program tersebut masih belum mempunyai graduan. Walaubagaimanapun satu semakan berkenaan senarai program UTM di dalam MQR akan dibuat bersama QRIM dalam tempoh terdekat.

Tindakan : TD (BPPHP) dan PGAM SPS

11.4 Rayuan Pelajar

SPS memaklumkan menerima rayuan daripada pelajar FAB iaitu Wan Mohd Safwan Bin Wan Daud. SPS akan menghubungi pihak fakulti untuk dokumen sokongan dan maklumat berkaitan dan perkara ini akan dibawa ke mesyuarat JKTS akan datang untuk dibincangkan. Pegawai Undang-undang UTM juga perlu dijemput bagi membincangkan mengenai perkara ini

Tindakan : Urusetia

11.5 Beban Tugas Pensyarah

Prof. Madya Ir. Dr. Zaini bin Ahmad memaklumkan bahawa bagi kursus Kaedah Penyelidikan (UKMP0010) untuk pelajar penyelidikan yang dihadiri oleh pelajar tidak dimasukkan sebagai beban tugas pensyarah. Pengerusi mengambil maklum perkara ini dan akan memaklumkan kepada pihak AMD untuk menambah ruang di dalam sistem bagi beban tugas kursus Kaedah Penyelidikan.

Tindakan : AMD

11.6 Safety Pass

Prof. Madya Ir. Dr. Zaini bin Ahmad memaklumkan bahawa di FKM telah mewajibkan pelajar UG dan PG mempunyai *safety pass* bagi penggunaan keselamatan di dalam makmal dan dikenakan bayaran sebanyak RM50. Pengerusi meminta memanjangkan perkara ini kepada semua fakulti untuk melaksanakannya.

Makluman

11.7 Penilaian Peringkat Pertama

Ahli mesyuarat mencadangkan jika proses pembentangan viva doctor falsafah boleh dibuka kepada umum. Bagaimanapun ia tidak dipersetujui kerana ia melibatkan hasil dapatan penyelidikan pelajar dan ia perlu dijalankan secara tertutup.

Makluman

Pengerusi bagaimanapun mencadangkan ia boleh dipraktikan pada sesi penilaian peringkat pertama. Bagaimanapun ia perlulah dengan kebenaran pelajar dan penyelia. Walau bagaimanapun ia adalah hanya pada waktu pembentangan sahaja. Sesi Q&A masih perlu dijalankan secara tertutup. Pemakluman di Mesyuarat JKTS perlu dilakukan jika ia dilaksanakan secara terbuka.

Makluman

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 10.30 pagi dengan Tasbih Kifarah dan Surah Al-Asr.

Disediakan oleh:

Semakan Pertama:

Disemak Kedua:

**PN. NORALIZA
BT TASIRAN**

Setiausaha
Sekolah Pengajian
Siswazah

**CIK NORAZLINA BINTI
AZIZI**

Penolong Pendaftar
Bahagian Pengurusan
Akademik & Kualiti
Sekolah Pengajian
Siswazah

**PN. NUR HAKIMI BT
KARSONO**

Pemangku Timbalan
Pendaftar
Sekolah Pengajian
Siswazah